



## 8,000 penjawat awam Pahang dapat 'bonus' satu setengah bulan gaji

Asrol Awang - Oktober 7, 2022 @ 4:20pm

[bh@news.com.my](mailto:bh@news.com.my)



Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail ketika membentangkan Belanjawan Negeri 2023, di Wisma Sri Pahang. - Foto FARIZUL HAFIZ AWANG

KUANTAN: Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail mengumumkan seramai 8,000 penjawat awam Pahang menerima bantuan khas kewangan sebanyak satu setengah bulan gaji dengan pembayaran akan dibuat menerusi dua transaksi.

Beliau berkata bayaran sebanyak satu bulan gaji akan dikreditkan pada tahun ini manakala bakinya dibayar pada Januari 2023, dengan pemberian 'bonus' itu membabitkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM33 juta.

"Kerajaan negeri tidak pernah melupakan jasa dan komitmen penjawat awam Pahang dalam memastikan agenda pembangunan negeri dan masyarakat dapat dicapai. Oleh itu, sebagai penghargaan dan sanjungan tinggi kepada kakitangan awam yang sentiasa mendukung aspirasi serta agenda kemajuan negeri ini.

"Kerajaan negeri berbesar hati memberikan bantuan khas kewangan ini kepada setiap penjawat awam di bawah pentadbiran kerajaan negeri. Bantuan ini juga sebagai penghargaan selain kerajaan negeri tidak pernah melupakan jasa serta komitmen penjawat awam Pahang dalam memastikan agenda pembangunan negeri dan masyarakat dapat dicapai," katanya semasa membentangkan Belanjawan Pahang 2023 di Wisma Sri Pahang di sini hari ini.

Wan Rosdy berkata, kerajaan negeri sentiasa mengutamakan kebajikan warga emas dan orang kurang upaya (OKU) dan sejumlah RM1 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan Program Khidmat Bantu di Rumah tahun depan.

"Program membabitkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang dengan kerjasama Majlis Tindakan Sosial Negeri Pahang dan Gabungan Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan ini akan dijalankan dengan cara Ziarah Prihatin ke atas warga emas dan golongan OKU yang dikenal pasti.

"Menyedari tanggungjawab besar yang dipikul oleh penyelia dan petugas Program Pemulihan Dalam Komuditi (PPDK), satu sumbangan sekali bayar sebanyak RM250 diberikan kepada 300 orang dengan peruntukan RM75,000.

"Seterusnya, kita akan turut menganjurkan Karnival Sukan OKU PPDK Pahang bagi memberi peluang kepada golongan OKU menyertai sukan dan menyerlahkan potensi mereka ke peringkat yang lebih tinggi membabitkan peruntukan RM250,000," katanya.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan berhasrat mewujudkan Geran Pembangunan dan Insentif Khas OKU negeri yang akan membabitkan peruntukan sebanyak RM850,000, mewujudkan program khusus bersama institusi pengajian tinggi negeri untuk golongan OKU (RM1 juta) dan pembelian al-Quran Braille (RM1.2 juta).

Wan Rosdy berkata Pusat Pengembangan Keusahawanan Wanita Pahang juga akan diwujudkan di Kuantan, Maran, Temerloh dan Lipis dengan peruntukan RM1 juta, selain perkhidmatan ujian mamogram percuma diberikan kepada 6,000 wanita B40 dan M40 serta peruntukan RM500,000 bagi menangani isu kemiskinan haid remaja wanita.

Beliau juga berkata, sebanyak RM12.32 juta diperuntukan bagi meningkatkan taraf hidup Orang Asli di Pahang pada tahun ini, dengan lebih banyak perancangan akan dilaksanakan tahun depan antaranya RM7.5 juta untuk menyediakan rumah, pelaksanaan projek pembekalan air ke 33 kampung Orang Asli (RM1 juta), naik taraf kampung (RM1.21 juta) dan baik pulih rumah (RM1.5 juta).

Katanya, insentif Perkahwinan Pertama diperluaskan kepada golongan Orang Asli dengan setiap pasangan menerima sagu hati RM300. Program PEDULI Orang Asli akan diperkenalkan pada 2023 membabitkan peruntukan RM200,000 yang menyasarkan 50 peratus daripada keseluruhan pelajar Orang Asli dibantu menyambung pengajian ke peringkat universiti.